

SISTEM TEMPAHAN UNIVERSITI (BSU)

PENGENALAN

BSU telah dibangunkan dan digunakan semenjak tahun 2013. Ianya adalah untuk membantu semua PTJ di UiTM secara umumnya bagi hal ehwal tempahan **ruang, peralatan, makanan** dan **kenderaan** walaupun secara khususnya permohonan ini dipohon oleh pihak Unit Kemudahan Kolej (UKK), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (Mascomm), Bahagian Pentadbiran InfoTech dan Unit Kenderaan UiTM Shah Alam. Pengguna sistem ini adalah dikalangan staf UiTM (menggunakan akaun portal iStaf) , pelajar UiTM (menggunakan akaun Student Portal) dan juga orang awam (perlu mendaftar terlebih dahulu). Pembangunan sistem BSU menggunakan platform *ColdFusion* sebagai bahasa pengaturcaraan dan *Oracle* sebagai pangkalan data.

CIRI-CIRI SISTEM

- Tiada kaedah bayaran atas talian yang digunakan di dalam sistem ini.
- Terdapat empat (4) modul utama di dalam sistem ini iaitu modul pengurusan tempahan **makanan, peralatan, kenderaan** dan **ruang**.
- Akses BSU **tidak dicadang diakses** menggunakan Internet Explorer tetapi ianya sangat sesuai diakses melalui **Google Chrome** atau **Mozilla Firefox**.
- Pengurusan tempahan untuk pelajar hanya boleh membuat tempahan berkaitan peralatan sahaja dan ruang yang telah ditentukan. Tempahan melalui staf adalah untuk modul-modul berkaitan ruang, makanan, peralatan dan kenderaan.

PENDAFTARAN DAN KATALALUAN

- Akses ke sistem BSU adalah menggunakan akaun portal iStaf (bagi staf UiTM) dan akaun Student Portal (bagi pelajar UiTM). Justeru itu, jika terlupa katalaluan, staf UiTM akan akses ke portal iStaf dan pelajar UiTM ke Student Portal untuk mengemaskini dan mendaftar katalaluan masing-masing. **HANYA** pengguna luar sahaja yang diberikan kemudahan Lupa Katalaluan di dalam sistem BSU.
- Pendaftaran akaun secara atas talian hanya dibuka kepada pengguna luar UiTM sahaja di dalam sistem BSU dengan menekan **Create an account** di skrin Login BSU.

HUBUNGI KAMI

Sebarang aduan berkaitan sistem BSU, hubungi 03 5544 2203 atau diadukan ke isms.uitm.edu.my.